



Azrul
Affandi
Sobry

azrul@bharian.com.my

Yayasan Emkay harapan baru

Berita Harian 12 NOV 2010 M/S 24

Penubuhan Pulau Orang Utan diibarat penyelamat pastikan spesies p

ORANG Utan bukanlah spesies asing di negara ini, malah ia sudah menjadi antara haiwan unik yang menaikkan nama Malaysia di mata dunia. Ia hanya boleh didapati di kawasan tertentu di Asia Tenggara, terutama di lokasi hutan di Sabah dan Sepilok.

Janggal benar jika haiwan itu dibawa keluar dari habitatnya. Kini hutan Bukit Merah di Perak sudah pun dijadikan rumah kedua spesies primat itu sejak Pulau Orang Utan yang dikendalikan Yayasan Emkay dibuka pada 22 Februari 2000, sekali gus menjadikan kawasan seluas 35 ekar itu sebagai tumpuan untuk melihat sejauh mana penempatan sebegitu berkesan.

Sejak tempoh itu, pelbagai pandangan membina dilontarkan. Ada yang menyokong penuh usaha berkenaan yang dianggap sebagai langkah relevan memelihara spesies itu daripada terus pupus dan ada juga yang menepelak dengan menyifatkan ia tidak lebih kepada menafikan hak haiwan itu untuk hidup dalam habitatnya sendiri.

Untuk itu, Yayasan Pulau Orang Utan yang dipertanggungjawabkan menggerakkan operasi pulau itu mengadakan pelbagai seminar dan perbincangan ilmiah untuk melihat sama ada usaha mereka selama ini mampu memberikan impak positif atau sebaliknya dengan menjemput puluhan pakar dari seluruh dunia semata-mata untuk mendebatkan masa depan 26 Orang Utan di situ.

Tahun lalu saja, ada tiga seminar dan bengkel yang diadakan untuk merealisasikan matlamat itu yang semuanya boleh dilabelkan sebagai seminar peringkat antarabangsa kerana membabitkan pakar dari pelbagai institusi seluruh dunia. Ia sekali gus mencerminkan betapa komitednya yayasan itu untuk memastikan usaha mereka selama ini bukan




PUSAT perlindungan Pulau Orang Utan berjaya mengembangkan jumlah Orang Utan daripada 14 kepada 26 ekor sejak ditubuh pada 2000.

langkah menongkah arus.

Terbaru, pada 27 September 2010, sekali lagi puluhan pakar dihimpunkan untuk membincangkan sama ada relevan atau tidak memindahkan dua Orang Utan yang dikatakan sudah melepasi peringkat kelima ke sebuah pulau khas bagi membolehkannya hidup dalam hutan sendiri dengan mendapat perhatian minimum manusia.

Sekali lagi, dalam seminar sebegitu, ada dua pendapat berbeza dan masih lagi kedengaran suara yang mempertikaikan kewajaran Emkay membawa keluar Orang Utan dari habitat semula jadinya. Namun, sekali lagi juga suara itu dipatahkan dengan bukti fizikal bahawa sejak Pulau Orang Utan diwujudkan, jumlah Orang Utan sudah bertambah daripada 14 kepada 26 dengan 16 daripadanya lahir di situ.



BILIK PEMULIHAN
RECOVERY ROOM

BILIK RAWATAN
TREATMENT ROOM

BILIK RAWATAN
TREATMENT ROOM

BILIK pemulihan dan rawatan
Orang Utan di Pulau Orang
Utan, Bukit Merah, Perak.

pelihara Orang Utan

primat unik tidak diancam kepupusan



ORANG Utan akan diberi penjagaan rapi bagi membolehkannya terus membesar dengan sihat.

Realiti itu dilihat sebagai bukti nyata untuk mengunci mulut orang ramai yang memper-tikaikan langkah itu kerana jika dibandingkan dengan habitat sebenar di Sabah, Orang Utan dikatakan semakin pupus akibat ancaman dari pelbagai aspek. Sekurang-kurangnya, Pulau Orang Utan menambah spesies haiwan itu sekali gus lebih dilihat kepada memelihara kewujudannya di Malaysia.


Pengerusi Yayasan Emkay, Tan Sri Mustapha Kamal Abu Bakar, berkata tidak ramai memahami objektif dan pelan perancangan kewujudan Pulau Orang Utan kerana jika diteliti pada peringkat pelaksanaan, semua Orang Utan yang dipelihara di situ dirancang untuk dihantar semula ke habitat asal di hutan iaitu ketika melepasi fasa ketujuh dan dianggap cukup bersedia untuk dilepaskan.

“Ini bukan projek sambil lewa kerana berdasarkan setiap fasa, Orang Utan menjalani proses terancang bermula saat dilahirkan, malah pengawasan dan pemantauan 24 jam oleh kakitangan di situ membolehkan proses tumbesaran haiwan itu menepati tahap sepatutnya selain terjamin kesihatannya,” katanya.

Tidak dapat dinafikan, selepas melihat sendiri apa yang berlaku di pulau itu, dapat disimpulkan bahawa penjagaan Orang Utan di situ begitu teliti. Dengan adanya unit jagaan bayi, semua keperluan bayi Orang Utan dapat dipenuhi secara berkesan. Pendek kata, Orang Utan di situ membesar secara terancang tanpa ada kes kematian sejak ia ditubuhkan.

Memang jauh dari habitat semula jadi tetapi Orang Utan tidak dinafikan hak lumrahnya. Di situ, haiwan itu turut belajar berhubung dengan alam, belajar memanjat, mencari air sendiri dan bergayut. Haiwan itu dilatih berdikari tetapi dengan pemantauan manusia.

Setiap fasa berbeza yang dirancang membolehkan Orang Utan di situ beralih ke peringkat lain sehingga akhirnya ia mampu berdikari dan layak dihantar ke habitatnya. Secara positifnya, selama haiwan itu berada di pulau itu, pelbagai kajian boleh dilakukan dan mencari kaedah terbaik dan berkesan memelihara spesies itu.



Tidak ramai memahami objektif dan pelan perancangan Pulau Orang Utan kerana jika diteliti pada peringkat pelaksanaan, semua Orang Utan yang dipelihara dirancang untuk dihantar ke habitat asal iaitu ketika melepasi fasa ketujuh dan dianggap cukup bersedia untuk dilepaskan”

Mustapha Kamal Abu Bakar
Pengerusi Yayasan Emkay